# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 25 MAC 2025

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MALAYSIA'S SUPPLY OF CHICKEN EGGS STILL ENOUGH, FOOD SECURITY MINISTER ASSURES, EFEEDLINK.COM -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | AGROBANK PROJECTS 75% INCREASE IN LOAN DISBURSEMENTS THIS YEAR, BIZ, THE SUN -13 | AGROBANK |
| 3.<br>4.<br>5. | RAMAI SOKONG PEKEDAI MINTA TUNJUK MyKAD UNTUK BELI BPT, LOKAL, HM -18<br>KPDN SIASAT ADUAN BERAS TEMPATAN, IMPORT DICAMPUR, LOKAL, HM -20<br>KPDN PULAU PINANG LAKSANA 85 PEMERIKSAAN ADUAN BERAS CAMPUR, NASIONAL, BH -15 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM


UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/3/2025 | EFEEDLINK.COM | ONLINE | |

## Malaysia's supply of chicken eggs still enough, food security minister assures




**Malaysia's supply of chicken eggs remains sufficient and stable to meet domestic demands, according to the country's agriculture and food security minister, Mohamad Sabu.**

Mohamad, also known as Mat Sabu, said this to allay confusion stemming from media reports regarding the sudden increase in prices of chicken eggs in the United States as well as allegations of possible smuggling of chicken eggs abroad.

"The close cooperation between (the ministry) and local egg producers has ensured the level of daily egg production is at a stable and satisfactory level," he said in a statement on March 22. "To guarantee the stability of supply, (the ministry) always implements monitoring of the production and distribution of chicken eggs from the farm level to the end-user."

Mohamad said enforcement measures are also being strengthened through strategic cooperation with other agencies and ministries to monitor the export of food supplies abroad.

He said the government, through his ministry, remained committed to ensuring Malaysia's food security through comprehensive policies and strategic action plans. This includes efforts to increase local production capacity and provide support to the agro-food industry.

"The ministry will continue to monitor the latest developments and is prepared to take immediate action, if necessary, to ensure the stability and adequacy of the country's food supply," Mohamad said.

- FMT

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/3/2025 | THE SUN | BIZ | 13 |

# Agrobank projects 75% increase in loan disbursements this year

BY **HAYATUN RAZAK**
*sunbiz@thesundaily.com*

**KUALA LUMPUR:** Agrobank (Bank Pertanian Malaysia Bhd) has projected a 75% increase in loan disbursements this year, with expected net growth of around RM1.5 billion, driven by its SME segment and the national food security initiatives.

Agrobank president and CEO Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said the focus will be heavily on small and medium enterprises – 70% for SME development, and 30% for microenterprises.

"For the year 2025, we expect our achievements to improve further because in 2024, we recorded a high in several areas, such as loan disbursements to customers. We exceeded RM10 billion in disbursements last year. Our net growth last year was more than 70% higher than the year before," he told *SunBiz* in an interview.

For the year, Tengku Ahmad Badli Shah said he anticipates the growth to continue as it focuses more on SMEs and products related to microfinancing and SMEs involved in national food production activities.

"Together with the Ministry of Agriculture and Food Security, we are crafting a strategy based on the National Agrofood Policy to boost local food production and achieve a higher level of self-sufficiency," he added.

Tengku Ahmad Badli Shah said there are still many areas where the country needs to intervene financially to boost food production in line with their national food security goals.

"To increase food production so it is accessible to Malaysians; and to ensure that food is produced in sufficient quantities so prices remain within the affordability range of the average Malaysian," he added.

Several food segments still have high import dependency, including ruminant cattle, chicken and poultry, he noted.

"As such, we will prioritise loan disbursements to areas with high import reliance. There's still a significant need for financial intervention to increase local food production and support national food security goals."

Tengku Ahmad Badli Shah said the government has mapped out clear strategic directions for the development of the agriculture industry with the National Agrofood Policy 2021-2030 and the National Commodity Policy as well as in the financial sector, with the Financial Sector Blueprint 2022-2026.

"Such national-level policies provide clarity on the expectations and strategic priorities of the government in the delivery of the developmental agenda for both industries."

This in turn provides guidance to developmental agencies such as Agrobank as to how it is expected to execute its mandated role, Tengku Ahmad Badli Shah said, adding that the direction of these policies is encapsulated in its Strategic Business Plan 2021-2025 (SBP 2021-2025).

"We stand guided by our SBP, a five-year roadmap that charts our progressive journey towards the delivery of strategic outcomes that support the developmental agenda of our key stakeholders. Our SBP ensures our keen focus on the things that matter as we continue to develop our unique value proposition and competitive advantages in the agriculture industry development ecosystem."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2025 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# Ramai sokong pekedai minta tunjuk MyKad untuk beli BPT

**Kuala Lumpur:** Tindakan peniaga meletakkan syarat menunjukkan MyKad untuk pembelian beras putih tempatan (BPT) bagi mengelakkan warga asing mengambil hak rakyat Malaysia mendapat sokongan.

Tinjauan Harian Metro semalam mendapati kebanyakan orang ramai kerana menyifatkan syarat berkenaan sebagai tindakan wajar dan peniaga turut meletakkan notis mengehadkan pembelian untuk dua kampit sahaja.

Juruwang kedai runcit di ibu kota, Muhammad Nazirul Najmi Noorizan, 19, berkata, pihaknya meletakkan syarat menunjukkan MyKad sebagai bukti warganegara sebelum pelanggan dapat membeli BPT.

"Kami minta pelanggan menunjukkan kad pengenalan sebelum boleh membeli beras putih tempatan sebagai bukti.

"Bukan tidak mempercayai, tetapi ini sebagai langkah berjaga-jaga. Ini kerana bekalan beras (BPT) terhad terutama menjelang Aidilfitri apabila orang ramai berebut mahu mendapatkannya," katanya.



CHE Jamaliah membeli beras putih tempatan di sebuah pasar raya.

Pekerja kedai runcit Nadiah Ali, 20, di Bangsar, di sini, berkata, premisnya juga meletakkan syarat sama dengan menunjukkan MyKad sebelum pelanggan dapat membeli BPT.

"Kami juga menetapkan syarat pembelian dengan menunjukkan kad pengenalan sebagai bukti. Pelanggan yang tidak menunjukkan kad pengenalan kami tidak membenarkan," katanya.

Sementara, pekerja kedai serbaneka Sukri Omar, 30, berkata, pihaknya tidak menetapkan syarat pembelian, tetapi meletakkan notis pembelian dengan hanya dua kampit untuk satu keluarga.

"Kami letak notis berkenaan untuk mengehadkan pembelian ini agar lebih ramai warganegara dapat membeli BPT," katanya.

Peniaga kedai makan, Noor Fadzillah Omar, 41, berkata, dia menyokong kedai meletakkan syarat terbabit kerana ia dapat mengelakkan beras subsidi diambil pihak tidak sepatutnya.

"Saya pernah menggunakan beras tempatan ini untuk berniaga kerana harga beras lain terlalu mahal. Jadi, memang wajar syarat seperti ini dikenakan supaya mereka yang betul-betul memerlukan dapat membelinya," katanya.

Katanya, kenaikan harga barang membuatkan ramai peniaga kecil bergantung kepada BPT dan jika tidak dikawal, mereka mungkin berdepan kesukaran mendapatkan bekalan.

Suri rumah, Che Jamaliah Mohd Salleh, 68, turut bersetuju dengan keperluan menunjukkan MyKad ketika membeli BPT kerana bimbang hak rakyat tempatan terjejas.

"Bukan saya sahaja, ramai pelanggan lain pun ada rasa tak puas hati bila nampak warga asing beli beras subsidi ini. Sebab itu, syarat tunjuk kad pengenalan ini memang langkah yang betul," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2025 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |



JEGAN memeriksa jualan barangan harga terkawal sempena SHMMP di sebuah pasar raya di Bandar Tasek Mutiara, Batu Kawan.

# KPDN siasat aduan beras tempatan, import dicampur

**Batu Kawan:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang menjalankan 85 pemeriksaan berkaitan aduan beras tempatan yang dicampur dalam beras import, setakat ini.

Pengarah KPDN negeri, S Jegan berkata, pemeriksaan bukan saja dijalankan di peringkat pengilang tetapi membabitkan pemborong dan peruncit.

Katanya, terdapat sembilan kilang memproses beras di Pulau Pinang dan tujuh daripadanya diperiksa untuk siasatan lanjut.

"Dalam pemeriksaan ini, kesemua sampel beras yang diambil dari kilang dihantar ke Jabatan Kimia (untuk diuji sama ada terdapat campuran beras tempatan dalam beras import).

"Kita masih lagi menunggu laporan (keputusan) yang ia mengambil masa sedikit kerana terlalu banyak sampel beras dari seluruh negara yang dihantar dekat situ, kita tidak tahu giliran (KPDN Pulau Pinang) bila akan diuji," katanya pada sidang media selepas mengadakan Walkabout dan Pemantauan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa, di sebuah pasar raya di Bandar Tasek Mutiara, di sini, semalam.

Sebanyak 26 jenis barangan termasuk santan akan dikawal di bawah skim itu sepanjang pelaksanaan selama 15 hari.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2025 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 15 |

# KPDN Pulau Pinang laksana 85 pemeriksaan aduan beras campur

## Semua sampel diambil dari kilang dihantar ke Jabatan Kimia

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

**Batu Kawan:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang menjalankan 85 pemeriksaan berkaitan aduan beras tempatan yang dicampur dalam beras import, setakat ini.

Pengarah KPDN negeri, S Jegan, berkata pemeriksaan bukan sahaja dijalankan di peringkat pengilang tetapi juga membabitkan pemborong dan peruncit.

Katanya, terdapat sembilan kilang memproses beras di Pulau Pinang dan tujuh daripadanya telah diperiksa untuk siasatan lanjut.

**Tunggu laporan**

"Dalam pemeriksaan ini, semua sampel beras yang diambil dari kilang yang diperiksa telah dihantar ke Jabatan Kimia (untuk diuji sama ada terdapat campuran beras tempatan dalam beras import).

"Kita masih lagi menunggu laporan (keputusan) yang ia mengambil masa sedikit kerana terlalu banyak sampel beras dari seluruh negara yang dihantar ke situ yang kita tidak tahu giliran (KPDN Pulau Pinang) bila akan diuji," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan tinjauan mesra dan Pemantauan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa di sebuah pasar raya di Bandar Tasek Mutiara, di sini, semalam.

Sebanyak 26 jenis barangan termasuk santan akan dikawal di bawah skim itu sepanjang pelaksanaan selama 15 hari iaitu tujuh hari sebelum perayaan, satu hari ketika perayaan dan tujuh hari selepas perayaan, bergantung pengumuman tarikh hari raya.



Jegan memeriksa jualan barangan harga terkawal menggunakan label merah jambu sempena pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa di sebuah pasar raya di Bandar Tasek Mutiara, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

Jegan berkata, pelaksanaan skim pada kali ini adalah bersesuaian bagi menjamin suatu tempoh yang wajar dan mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan komuniti peniaga.

"Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.

"Selain itu, penentuan harga ini di buat selepas mengambil kira pandangan dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi kerajaan dan pemain-pemain industri.

"Kementerian akan terus menjalinkan kerjasama dengan KPKM bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini," katanya.

Jelasnya, 137 anggota pegawai penguat kuasa dan 62 pegawai pemantau harga telah ditugaskan di lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan untuk melindungi pengguna daripada peniaga tidak beretika.